

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**[ KLANG ]**  
**TARIKH : 30 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pandangan yang sama dengan Persatuan Perubatan Malaysia yang khuatir bahawa kos perubatan penting akan meningkat disebabkan oleh aspek *data exclusivity* dan *patent linkage*, yang terkandung dalam Perjanjian TPP

**Tuan Yang di-Pertua,**

Rundingan berkaitan harta intelek farmaseutikal masih diteruskan dan Kerajaan akan terus memastikan rakyat mendapat akses kepada ubat-ubatan generik yang lebih murah dan pengilang tempatan akan dapat terus mengilangkan ubat generik. Selain itu, dalam menangani isu berkenaan harta Intelek, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bekerjasama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam pindaan Akta Paten yang secara tidak langsung

melindungi ubat generik di pasaran dan memastikan kebolehcapaian (*accessability*) dan mampu dibeli (*affordability*) oleh rakyat Malaysia. KKM juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), terutamanya dalam memberikan input-input berkaitan akses ubat agar kebijakan rakyat diutamakan dan terjamin.

Pada masa ini, tiada kajian spesifik telah dijalankan berkaitan kesan ke atas kos perubatan berikutan isu harta intelek. Pemerhatian KKM mendapati terdapat penurunan ketara harga ubat apabila generik digunakan semasa perolehan ubat-ubatan melalui tender. Walau bagamanapun, harta intelek bukanlah penentu tunggal dalam menentukan kos ubat. Banyak faktor lain yang mempengaruhi harga ubat dan KKM masih lagi sedang mengkaji mekanisme dan mengadakan rundingan dengan *stakeholders* terlibat ke arah kawalan harga ubat di Malaysia.